

## Tarian Ngajat Etnik Kaum Iban di Sarawak

Norazmi Azni Shah

Wan Muhammad Arif Asyraff Wan Nik

Ezza Rafezziawati Kamal Rafezzi

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### **Abstrak**

*Tarian Ngajat Iban merupakan tarian tradisional kaum Iban di Sarawak. Tarian ini terdiri daripada pelbagai jenis tarian seperti Ngajat Pahlawan, Ngajat Induk, Ngajat Kerak dan Ngajat Ngalu Temuai. Tarian Ngajat dilakukan ketika meraikan sesuatu peristiwa penting seperti perayaan sambutan Hari Gawai Dayak dan ketika terdapat tetamu yang datang ke rumah panjang sebagai mengalu-alukan tetamu yang datang bertandang ke rumah panjang kaum Iban. Tarian ini melambangkan kegagahan pahlawan Iban dan keayuan masyarakat Iban itu sendiri. Langkah yang ditarikan memerlukan latihan yang sangat lama kerana perlu mahir dengan pergerakan kaki, lengkok badan dan pergerakan tangan yang memerlukan kesabaran untuk melakukan tarian Ngajat Iban ini. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenali jenis tarian Ngajat kaum Iban dan perkembangan tarian Ngajat dari awal penubuhan sehingga kini.*

**Kata Kunci:** Iban, Tarian Ngajat, Ngajat, Tarian Tradisi, Tarian Sarawak

### **Abstract**

*Ngajat Iban is a traditional Iban dance in Sarawak. This dance consists of various types of dances such as Ngajat Pahlawan, Ngajat Induk, Ngajat Kerak and Ngajat Ngalu Temuai. Ngajat dance is often danced while celebrating an important event such as the Gawai Dayak Day celebration and when there are guests who come to the longhouse to welcome guests who come to visit the Iban longhouse. This dance symbolizes the bravery of the Iban warriors and the beauty of the Iban community itself. The steps taken require a lot of practice because they need to be skilled with foot movements, body swings and hand*

*movements that require patience to perform this Ngajat Iban dance. The objective of this research is to identify the type of Ngajat dance of the Iban people and the development of Ngajat dance from the beginning of the establishment until now.*

**Keywords:** Iban, Ngajat Dance, Ngajat, Traditional Dance, Sarawak Dance\

## **PENGENALAN**

Tarian Tradisional Sarawak mempunyai tiga jenis tarian iaitu tarian Ngajat, koncong, dan datum. Kajian ini memfokuskan kepada tarian popular dikalangan masyarakat Sarawak iaitu tarian Ngajat. Tarian ngajat merupakan gerak-geri tari Sarawak tradisional. Tarian Ngajat merupakan satu daripada tarian tradisional yang memiliki nilai kesenian tradisi yang tinggi serta penuh penceritaan, para penari sememangnya perlu menguasai pergerakan tarian yang bersifat lembut dan berseni. Tarian tradisional memerlukan pergerakan atau seni tari yang agak rumit dan memerlukan masa yang lama untuk seseorang individu menjadi mahir atau menguasainya memandangkan mereka perlu mempelajari Teknik gerakan tangan, kaki dan mata, serta mesti mempelajari pelbagai tarian tradisional kuno yang mulia (Khalid Latip, 2015).

Tarian Ngajat merupakan tarian tradisional kaum Iban. Secara tradisinya tarian tradisional Sarawak ini dipersembahkan secara berkumpulan daripada penari lelaki mahupun penari wanita. Tarian ini dilakukan bagi meraikan dan menyambut kesyukuran selepas mereka menuai hasil padi dalam erti kata lain “Pesta Menuai” atau “Pesta Gawai Dawak” yang diraikan setiap tahun pada pertengahan tahun serta tarian ini akan di tarikan pada hari Gawai iaitu semasa musim menuai (Barat, 2020). Tarian ini tidak dapat dipisahkan dalam pertunjukan yang mana gerak gerinya mengikuti melodi muzik yang dicipta dengan menggunakan peralatan yang diperbuat daripada alam semula jadi. Persembahan tarian tradisi ini ditarikan bagi mempertahankan kawasan kampung dari serangan musuh. Kaum Iban melakukan tarian Ngajat ini kerana keasliannya yang mengekalkan identiti Iban dan penuh dengan seni dan dapat membezakan antara suku pribumi yang lain. Tarian Ngajat ini juga terbahagi kepada pelbagai jenis termasuk, Ngajat Lesung, Ngajat Bunuh, Ngajat Ngalu Temuai (menyambut tetamu). Para penari mempunyai gerak tubuh yang kompleks dan berseni. Tarian ini biasanya

dilakukan semasa meraikan kejayaan atau meraikan kepulangan pejuang Iban yang baru pulang dari medan perang serta meraikan kejayaan tanaman padi mereka. Tarian ini ‘digerakkan’/‘ditari’ dengan cara berdiri di atas bulatan dan penari akan melompat dari bawah ke atas, kemudian penari akan melompat dengan irungan muzik. Semua rentak ditari mengikut melodি yang dimainkan mengikut upacara. Sementara itu, untuk Hari Gawai Sandau Ari, gendang akan dimainkan apabila ada tetamu kehormat dan orang-orang yang menyambut Sambal Gawai memegang tengkorak musuh. Terdapat jenis tarian lain di mana penari ini akan memegang perisai kayu dan menari seolah-olah dia sedang menghadapi musuh dan bergerak dengan mengayunkan badannya ke kiri dan kanan (Barat, 2020)

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejarah warisan seni tarian Ngajat serta penglibatan secara aktif oleh tokoh yang dipilih dalam bidang warisan seni tarian Ngajat iaitu tarian dan mengajar seni tarian ini. Tarian ini kurang mendapat perhatian masyarakat kerana kurang diberi pendedahan sepertimana warisan seni yang lain dimana warisan seni yang lain sudah menjadi perbualan rakyat Malaysia (Barat, 2020).

Kesenian pergerakan yang ditunjukkan dalam tarian Ngajat tidak sepopuler tarian tradisional yang lain. Masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat atau peribumi Sarawak khususnya; tidak mengambil berat mengenai tarian tradisional seperti ini; yang sebenarnya membawa kepada simbol asal-usul kehidupan dan kebudayaan mereka. Kepakaran seperti menari dan bermain alat muzik untuk tarian tradisional ini dimiliki dan diwarisi oleh orang ‘lama’ yang telah lama menjinakkan diri dalam bidang tarian tradisional ini. Menurut Mohd Kipli Abdul Rahman (2010), seni tari Ngajat iban ini juga merupakan satu seni persembahan dan merupakan sesuatu yang asing kerana persembahan Ngajat itu sendiri sukar untuk diterjemahkan. Masalah ini berlaku kerana tradisi tarian Ngajat itu sendiri memerlukan minat yang mendalam untuk mempelajari setiap langkah tarian tersebut.

Tarian Ngajat ini juga merupakan satu tarian tradisional yang merangkumi sejumlah yang besar aktiviti seni tradisional. Tarian seperti ngajat

ini adalah satu tarian yang diwarisi secara turun temurun dan mengikut cerita rakyat dalam menyampaikan sebuah cerita yang disampaikan melalui tarian (Gregory Kiyai,2020). Tarian ini kurang diberi perhatian oleh generasi kini yang tidak memandang serius mengenai tradisi seni tarian Ngajat yang berkemungkinan boleh mengakibatkan seni tarian tradisi ini akan luput daripada pemikiran generasi akan datang.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi menyokong permasalahan kajian yang telah dinyatakan, penyelidik telah menyenaraikan beberapa objektif kajian yang membantu dalam menjalankan kajian berkaitan keunikan tarian ngajat Iban. Antaranya adalah untuk meneroka keunikan konsep tarian Ngajat yang sinonim dengan masyarakat Sarawak. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji kaedah-kaedah tarian Ngajat ini disampaikan dan memartabatkan nilai kesenian yang dimiliki oleh tarian tradisional daripada pupus.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Setelah membuat kajian secara ilmiah tentang topik tersebut, ia telah membawa kepada beberapa jenis struktur soalan yang boleh dijadikan sebagai persoalan kajian. Persoalan kajian ini dilakukan kerana untuk menelesaikan beberapa masalah yang timbul seperti menyelesaikan permasalahan kajian dan untuk memperoleh objektif yang ditetapkan. Persoalannya kajian adalah untuk seperti, apakah asal usul penubuhan Tarian Ngajat kaum Iban? Apakah keistimewaan serta keunikan yang dimiliki oleh tarian ngajat Iban? Bagaimanakah cara tarian ngajat dipersembahkan?

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian dapat membantu memperkasakan lagi warisan seni tarian Ngajat kepada generasi muda sekaligus menjadikan warisan seni tarian Ngajat adalah salah satu warisan turun temurun sepanjang abad yang tidak ditelan zaman kerana tidak diambil peduli oleh masyarakat. Kepentingan ini dapat membantu dalam mengelakkan seni tarian Ngajat tradisional ini dilupakan masyarakat Malaysia ekoran arus teknologi yang berkembang

dimana mewujudkan pelbagai jenis tarian yang ada pada masa kini seperti tarian zapin yang terkenal di mata masyarakat kerana sering dipersembahkan di kebanyakan majlis. Hasil dari kajian ini juga membantu untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat di Malaysia bahawa seni tarian Ngajat merupakan salah satu warisan seni tarian di negeri Sarawak. Sebagaimana yang diketahui, tarian Ngajat adalah sejenis tarian yang mempunyai teknik gerak geri yang unik dan mengikut tempo muzik bagi menarikkan tarian ini. Seterusnya kita dapat memberikan pendedahan bahawa tarian ini dapat dilakukan tidak mengira waktu apapun. Manakala tarian ini juga tidak menghadkan umur untuk belajar tarian ini.

Tambahan pula, dengan kajian ini ia dapat memberi pendedahan dan ilmu kepada masyarakat untuk mengetahui teknik-teknik dan kemahiran yang bersesuaian digunakan semasa menarikkan tarian ini walaupun ianya sedikit sukar jika tidak dipraktikkan dengan baik. Tarian ini juga mampu membuatkan Malaysia terkenal di persada antarabangsa dalam kesenian dan kebudayaan Negara kerana tarian tradisional seperti ini masih diamalkan oleh kerana keunikan yang ada tarian itu. Seterusnya, generasi masa kini dapat mengangkat nama-nama tokoh dimata masyarakat yang ada di Malaysia. Dengan terhasilnya kajian ini masyarakat akan lebih peka dan menghargai pengorbanan dan jasa yang disumbangkan oleh mereka sehingga mampu mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa dan di persada dunia.

Kajian ini juga dapat memberikan pendedahan mengenai asal usul bagaimana sejarah tarian Ngajat ini berkembang dan telah menjadi warisan turun-temurun nenek moyang. Maka, ia akan dapat membantu menambahkan lagi ilmu pengetahuan generasi pada masa kini mengenai tarian Ngajat ini. Antara faedah lainnya adalah dengan mengetahui mengenai tarian Ngajat ini dapat memberi pendedahan atau pengetahuan iaitu tidak mengira kepada siapa pun yang yang belajar mengenai tarian tradisi ini. Hal ini menunjukkan bahawa ada sesetengah masyarakat yang ingin tahu mengenai tarian ini tetapi tidak mendapat pendedahan yang baik daripada mereka yang pakar. Seterusnya pertubuhan-pertubuhan NGO atau persatuan berkaitan kebudayaan negara dapat memikirkan alternatif untuk mencari penari dan juga tenaga pengajar profesional bagi seni tarian Ngajat yang boleh mengajar atau

berkongsi ilmu atau kemahiran tarian dengan baik. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat membantu pelajar yang berminat untuk menyelidiki seni tarian Ngajat, dapat menambah atau mendapatkan rujukan berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Tarian merupakan satu pergerakan atau aktiviti yang memerlukan tumpuan dari segi pergerakan dan memerlukan bakat seseorang untuk mencipta satu tarian (Sandi, 2018). Tarian tradisional seperti ngajat memerlukan tumpuan dan minat yang tinggi untuk mempelajari setiap langkah dan lengkok yang ditarikan. Selain itu, terdapat pendapat yang menyatakan tarian merupakan suatu alat komunikasi dengan menunjukkan tingkah laku sesuatu kaum yang melambangkan ciri-ciri kebudayaan sesuatu masyarakat (Mohd Ghous Nasuruddin, 2000).

Asal-usul tarian ngajat ini pada awalnya berdasarkan kepada mitos lama masyarakat Iban bahawa tarian ngajat ini ditarikan oleh roh atau semangat yang mengajar kaum Iban dalam menarik Tarian Ngajat Iban (Gregory Kiyai, 2020). Kepercayaan kaum Iban terhadap roh dan semangat pada ketika itu menjadi suatu punca wujudnya tarian tradisional ngajat ini yang perlu diturunkan secara turun-temurun. Kaum Iban mentarik tarian Ngajat ini sebagai satu tradisi yang diturunkan ke setiap generasi dan sering ditarikan ketika menyambut suatu perayaan terutama ketika menyambut hari Gawai untuk mensyukuri hasil rezeki mereka selepas musim menuai (Osup, et al, 2011).

Sementelah, setiap tarian mempunyai alunan musik yang tersendiri seperti tarian Ngajat musik yang dipanggil “Taboh” dimainkan untuk membangkitkan perasaan gembira kepada masyarakat Iban (Jawol, et al, 2018). Menurut kepercayaan kaum Iban alunan musik yang dimainkan mampu menggembirakan roh ataupun dewa sebagai tanda mensyukuri hasil tuaian yang diperoleh. Menurut Linggi (2001), selain tarian ngajat ini ditarikan ketika meraikan sesuatu perayaan, tarian Ngajat juga ditarikan sebagai satu persembahan ritual untuk upacara tertentu.

Pakaian untuk tarian ngajat atau dipanggil sebagai “Ngepan Iban” dipakai ketika hendak mempersembahkan tarian ngajat. Pakaian ngajat kaum wanita mempunyai hiasan yang lengkap seperti Kain Tating, Rwai Pirak, Tanggu, Lampit Pirak dan Sugu Tinggi (Gregory Kiyai, 2020). Pakaian ngajat bagi lelaki pula menggunakan pakaian seperti Baju Burung, Kain Sirat dan Dandong (Tugang, 2020). Selain daripada pakaian tersebut pakaian untuk kaum lelaki juga dilengkapi hiasan seperti parang, topi dan sumpit yang melambangkan seorang pahlawan Iban.

Gaya tarian Ngajat berubah dari tradisi kepada moden. Tarian Ngajat tradisi dan moden mempunyai gaya yang berbeza tetapi masih memiliki simbol di sebalik pergerakannya. Tarian Ngajat tradisi jarang sekali dipersembahkan. Oleh sebab itu, tidak ramai yang mengetahui mengenai tarian ini seperti tujuan tarian ini dilakukan, peralatan yang digunakan dan maksud tersirat setiap pergerakan.

## **METODOLOGI**

Kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini adalah berdasarkan temu bual berkenaan pengalaman dan pengetahuan tokoh yang dipilih. Selain itu, terdapat juga kajian yang dibuat daripada hasil kajian yang telah dibuat sebagai informasi tambahan yang berkenaan dengan Tarian Ngajat Iban. Sejarah Lisan boleh digunakan sebagai satu kaedah dimana perkembangan-perkembangan atau peristiwa-peristiwa lampau ini tidak akan dilupakan dan akan menjadi bukti sejarah. Sejarah lisan adalah sejarah kaedah di mana kenangan seorang tokoh dicatatkan dalam temu bual (Khairul, 2015). Tokoh terpilih biasanya terdiri dari mereka yang dapat menyumbangkan maklumat sejarah dari segi penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, atau kerana hubungan langsung mereka dengan watak, waktu atau peristiwa tertentu. Maklumat akan diperoleh dari temu bual yang kemudian disalin dan salinannya akan disemak dan ditaip semula sehingga dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan (Hazman, 2013).

Antara kelemahan yang boleh diambil kira ketika mana usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia adalah kekurangan sumber sejarah yang asli atau dari sumber utama. Contohnya, negeri-negeri melayu, hanya beberapa

negara yang mempunyai sumber semula jadi yang berkaitan dengan sejarah negara tersebut. Masalah berkaitan ini menjadi serius kerana di Malaysia tidak ada tradisi menyimpan buku harian atau menulis biografi mana ianya berkesinambungan serta mempunyai jalan cerita yang memudahkan orang yang membacanya dapat memahami isi kandungan tersebut (Gregory, 2020).

Kajian ini menggunakan kaedah penerokaan secara kualitatif dengan cara mengkaji setiap sumber yang diperoleh daripada artikel dan laman sesawang sebagai panduan untuk mendapatkan pandangan dan idea mengenai kemahiran yang diamalkan oleh tokoh yang bersejarah. Tokoh yang pengkaji pilih adalah seorang yang kompeten dalam menari dan mengajar tarian Ngajat. Tokoh yang pengkaji menemu bual adalah seseorang yang sememangnya berasal dari negeri Sarawak yang mana asalnya tarian Ngajat kaum Iban ini. Beliau berpengetahuan luas kerana telah menjelajah ke merata tempat untuk mencari ilmu dan pengalaman yang mana akan memberikan suntikan semangat kepadanya untuk meneruskan semua lapisan masyarakat yang ingin belajar tarian ini kerana ia adalah tradisi turun temurun tarian bagi kaum Iban. Ilmu yang dipelajari olehnya dikembangkan lagi dengan mengajar anak muda di kampungnya seterusnya beliau mengajar (Hazman, 2013).

Tokoh yang dipilih adalah Encik Barat. Beliau dipilih sebagai tokoh kepada seni tarian Ngajat memandangkan beliau mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam menarikan tarian Ngajat dengan gaya yang lembut dan berseni serta Encik Barat juga adalah seorang tenaga pengajar yang boleh mengajar semua lapisan masyarakat. Tokoh ini mempunyai pengalaman yang amat luas memandangkan beliau telah mula berkecimpung di dalam seni tarian Ngajat ini sejak dari kecil lagi. Malah, beliau terlalu berminat dan mempunyai cita-cita tinggi mengenai tarian ini. Luasnya pengetahuan beliau dalam seni tarian Ngajat ini tidak dapat dipertikaikan lagi; malah beliau mampu untuk membezakan jenis seni tarian Ngajat yang mempunyai pelbagai jenis tarian seperti Ngajat Induk, Ngajat Bebunoh, Ngajat Lesung dan banyak lagi. Beliau boleh menceritakan satu persatu dari segi gerak geri tubuh, melodi yang dimainkan, pakaian serta peralatan yang akan digunakan semasa tarian Ngajat ini dimainkan (Rahman, 2013).

Strategi pengumpulan data diadakan dengan mengadakan sesi temu bual dan pemerhatian. Penyelidik menggunakan protokol temubual berstruktur dengan menggunakan platform *Google Meet* iaitu secara atas talian. Encik Barat menjawab sebanyak 210 soalan yang telah disediakan. Beliau menjawab dan menceritakan serba sedikit mengenai pengalaman beliau yang telah dilaluinya. Tugas penyelidik adalah merakam dan menulis atau mencatat apa yang telah diperkatakan oleh Encik Barat supaya tiada maklumat yang terlepas (Khairul,2015).

## **HASIL KAJIAN**

Hasil kajian mendapati bahawa tarian Ngajat ini dilakukan oleh orang-orang Iban yang berada di Negeri Sarawak. Hal ini demikian kerana, orang Iban akan menarik tarian Ngajat pada hari Gawai. Kaum Iban menarikannya kerana bersyukur hasil tanaman sepanjang tahun. Hal ini boleh diceritakan iaitu sejak zaman dahulu tarian ini ditarikan selepas orang Iban ini kembali berperang dan sebagai tanda kesyukuran kerana hasil dari tanaman padi pada setiap tahun. Tarian ini mempunyai lagu yang akan dimainkan ketika penari menari dan lagu yang dimainkan hendaklah bersesuaian dengan gerak geri seni pergerakan yang bersesuaian dengan upacaranya.



Gambar 1 : Pakaian tradisi penari tarian Ngajat (Google Image, 2017)

### Sejarah Tarian Ngajat Iban

Pada asal tarian ngajat Iban ini ialah hanya untuk melindungi kawasan kampung dari dicerobohi musuh yang ingin memenggal kepala musuh mereka. Apabila pahlawan Iban atau digelar ‘Bujang Berani’ ini pulang ke kampung mereka melakukan langkah tarian ngajat ini sambil mengeluarkan suara yang nyaring untuk menakutkan pihak musuh agar mereka berasa gerun kerana suara mereka menandakan terdapat lebih banyak bilangan musuh mereka yang berada di dalam kampung tersebut.

Setiap dari peralatan mempunyai maksud tersendiri seperti parang yang digunakan ‘Bujang Berani’ tersebut. Pada hulu parang tersebut jika mempunyai rambut yang panjang itu menandakan pahlawan tersebut pernah memenggal kepala musuhnya. Pada bilah parang pula jika terselit tembaga pada parang tersebut itu menandakan berapa ramai musuh yang berjaya dipenggal oleh pahlawan ‘Bujang Berani’ tersebut.

Setiap motif pada peralatan dan pakaian dalam tarian ngajat ini pada asalnya berasaskan alam semula jadi dari segi pembuatan peralatan dan pakaian tersebut. Seperti baju ngajat tersebut menggunakan kulit kayu atau kulit haiwan. Warna yang digunakan juga diperoleh dari sumber alam semula jadi seperti kunyit dan kulit kayu yang mempunyai warna.

Pada masa kini, tarian tersebut dilakukan sebagai satu persembahan pada setiap majlis perayaan seperti pesta Gawai serta tarian ini boleh juga dilakukan pada waktu yang tidak disyaratkan. Peralatan juga turut mengikuti peredaran zaman apabila wujudnya mesin menenun dan warna-warna yang boleh dipergunakan lagi tanpa mengharapkan alam semula jadi.

### Pakaian

Pemakaian bagi penari wanita atau lebih mesra dikenali sebagai ‘kumang’, mereka akan memakai pakaian tradisi tarian Ngajat seperti pakaian yang berduit syiling, cucuk sanggul sebagai hiasan di kepala dan bergelang di tangan dan juga di kakinya bagi menarik perhatian penonton tarian ini dan membuat sesuatu bunyi yang boleh menghasilkan rentak irama yang

mengaitkan dengan pergerakan yang dilakukan oleh penari tersebut. Selain itu, pakaian wanita dikenakan pakaian ‘selabai’ dan berkain songket. Dalam erti kata lain, pakaian ini dikenali sebagai ngepan Iban. Mereka juga akan diikat dengan kain tenun yang diikat pada bahagian pinggang serta anting-anting. Selain itu, pakaian yang dipakai oleh penari adalah berwarna merah, hitam, kuning dan putih kerana pakaian ini boleh diperbuat melalui bahan alam semulajadi dan warna-warna ini melambangkan warna bendera negeri Sarawak. Baju tersebut diperbuat daripada kulit kayu atau kulit haiwan yang dijahit atau disulam untuk menghasilkan baju tersebut (Khalid Latip, 2015).



Gambar 2 : Pakaian Tradisi Pakaian Ngajat wanita (Google Image, 2017)

Penari lelaki dan wanita boleh menarikan tarian ini. Bagi penari lelaki, mereka akan menggunakan pakaian tradisional seperti ‘gagung’, ‘sirat’ atau pakaian burung. Penari juga akan memakai topi yang dihiasi dengan bulu burung. Gagung adalah kemeja yang keras dan tebal yang diperbuat daripada kulit haiwan tetapi tidak dijahit ke kiri dan kanan baju. Para penari akan memakai kain merah yang diikat di pinggang hingga paras lutut. Pakaian untuk penari ini adalah diperbuat daripada sumber alam semula jadi.

Penari lelaki menggunakan baju yang diperbuat daripada kulit kayu, kulit haiwan ataupun baju yang di sulam menggunakan benang. Di kepala, para penari menggunakan topi yang dihiasi dengan bulu burung yang dipanggil “Bulu Ruai”. Pada lengan mereka terdapat gelang tembaga pada bahagian

atas lengan dan juga pada bahagian betis penari lelaki tersebut. Selain itu, mereka juga mengenakan cawat ataupun seluar pendek untuk melakukan tarian ngajat tersebut.



Gambar 3:Pakaian Pakaian Ngajat Lelaki (Google Image, 2019)

### **Langkah Tarian**

Langkah tarian untuk penari lelaki, mereka melakukan tarian ngajat dengan mengeluarkan satu suara yang nyaring sambil melakukan langkah-langkah ngajat. Langkah ngajat tersebut dimulakan dengan melangkah dengan menggunakan kaki kiri sambil tangan diayunkan ke sebelah kanan kemudian melompat sambil mengeluarkan bunyi “ Haiss” yang nyaring, langkah tersebut digelar “Titi Tiung” yang bermotifkan seekor burung tiung yang berjengket ke kiri. Kemudian, terdapat langkah yang digelar “Titi Papan”, ia dimulakan dengan melangkah ke hadapan dan berjalan ngajat sambil mengayunkan tangan ke hadapan.

Pada masa kini tarian tersebut ditarikan sebagai persembahan kepada para penonton. Tarian Ngajat sudah cukup sebatи dengan kehidupan masyarakat Iban di Sarawak, malah turut menjadi sebahagian identiti etnik itu. Diwarisi sejak turun temurun, penggunaan kostum ini menarik perhatian setiap kali tarian ini dipersembahkan dengan alunan pelbagai muzik. Ianya kelihatan begitu unik terutama dalam kalangan pelancong asing. Dalam kalangan masyarakat Iban, Ngajat adalah sebahagian tradisi terpenting mereka yang bukan sahaja dipersembahkan setiap kali Hari Gawai malah untuk menyambut kehadiran tetamu terutama sekali ketika berlangsungnya upacara atau majlis

rasmi. Penghulu dalam kalangan mereka juga ada menyatakan bahawa tidak lengkaplah Hari Gawai atau sesuatu majlis yang dianjurkan tanpa persembahan tarian tradisi itu, malah ianya adalah menjadi suatu kewajipan sejak berzaman.



Gambar 4 :Ngajat Wanita Ketika Hari Gawai (Google Image, 2015)

Untuk pemakaian perempuan pula langkah tariannya digelar “Ngajat Induk”, langkahnya dimulakan dengan kaki kiri sambil tangan dihayun lembut kedepan dan kebelakang bagi simbol keayuan dalam suku kaum Iban.

### **Peralatan**

Peralatan ini juga diperbuat daripada alam semulajadi seperti sumpit, perisai, lesung batu dan hulu parang. Alat muzik yang dimainkan adalah mempunyai rentak irama yang tersendiri berdasarkan tarian yang ditarikan. Alat-alat muzik juga kebanyakannya diperbuat daripada bahan alam semulajadi seperti muzik gong besar (tawak) dan gong sederhana (bebundai), gendang atau dedumbak dan satu set gong kecil dan juga sapeh. Sapeh adalah alat muzik yang bertali seperti gitar dan berbentuk seperti gambus panjang yang bertali empat serta badannya panjang hampir empat segi dan diperbuat daripada kayu iaitu satu batang pokok.

### **Alat Muzik**

Terdapat beberapa alat muzik yang sering digunakan ketika melakukan tarian ngajat ini seperti gendang tabuh, gong, beberapa dong kecil yang biasa dimainkan oleh orang yang lebih berpengalaman seperti orang yang lebih tua yang mahir mengendalikan alat muzik tersebut. Alat musik tersebut dimainkan mengikut rentak perlahan dan laju untuk mengawal langkah penari ngajat melalui gerak gerinya.

Muzik yang mengiringi ini dimainkan menggunakan peralatan musik seperti gong besar atau nama lainnya tawak dan juga gong yang sederhana besar atau bebendai, dendang dan juga satu set gong kecil yang bernama engkurumong. Gong besar atau tawak ini diperbuat daripada perunggu yang berbentuk bulat. Bahagian sisinya tebal dan berbusut dibahagian tengah permukaannya. Ia juga berpasangan seperti ibu dan anak. Bagi tawak yang seperti ibu ini bunyi nya agak perlahan dan bergema manakala tawak anak ini berbunyi nyaring. Alat muzik ini dapat menghasilkan bermacam jenis bunyi seperti ‘chak, dong, peng’. Alat yang dimainkan ketika tarian Ngajat yang seterusnya adalah sapeh, sapeh adalah alat muzik yang bertali seperti gitar.



Gambar 5: Alat Musik Tabuh Iban (Google Image,2021)



Gambar 6: Alat Musik Bebendai (Google Image,2021)

#### **Warisan Tarian Ngajat di Kalangan Masyarakat.**

Kebanyakan anak muda masyarakat Iban pada hari ini boleh menguasai tarian ini dengan baik kerana sudah melihat dan terbiasa sejak kecil lagi. Ianya diperturunkan dari generasi ke generasi yang akan menjadikan tarian Ngajat tidak lapuk ditelan zaman. Bagi masyarakat Iban pula, mereka sangat berbangga kerana telah mempersembahkan tarian Ngajat ini kepada orang luar yang berkunjung ke rumah panjang mereka. Ianya bukan sahaja sebagai tanda hormat meraikan para tetamu tetapi ianya juga adalah sebahagian inisiatif mereka untuk memperkenalkan budaya Iban kepada para pelancong. Kebanyakan masyarakat hanya mengenali tarian ini hanya dengan tarian tradisional namun tidak ramai mengetahui tentang warisan kesenian itu terbahagi kepada beberapa kategori dengan setiap satunya mempunyai maksud yang tersendiri dan dipersembahkan dalam acara tertentu sahaja.

Ngajat dipersembahkan dalam perayaan Gawai sebagai simbol mensyukuri kenikmatan yang diberikan. Ngajat Bunuh pula lazimnya dipersembahkan oleh kaum lelaki sebagai simbolik menghadapi musuh dan memburu dan Ngajat induk yang ditarikan oleh golongan perempuan yang melambangkan kelembutan dan keayuan seni budaya serta adat kaum Iban. Tambahan pula, Ngajat Lesung, Ngajat Ngalu Temuai, Ngajat Pua Kumbu dan Ngajat Kita yang setiap satunya mempunyai formasi gerakan yang tersendiri dan mempunyai maksud tersirat serta menggambarkan aktiviti rutin harian kaum Iban (Khalid Latip, 2015).

#### **Adat Tradisi Kaum Iban**

Adat tradisi kaum Iban dengan mempercayai semangat seperti semangat tanah untuk kesuburan tanaman yang mereka usahakan. Selain itu masyarakat Iban juga sangat menjaga adat mereka bagi menjaga keharmonian di rumah Panjang. Antara adat yang masih lagi diamalkan di rumah Panjang pada masa kini adalah masih terdapat banyak pasu – pasu besar yang dipanggil Tajau yang terdapat pada setiap rumah di rumah Panjang kaum Iban.

Terdapat banyak adat istiadat di Sarawak yang diamalkan oleh kaum Iban. Secara tradisinya, kita boleh mengatakan bahawa majoriti dari komuniti Iban yang masih menetap di rumah panjang di mana corak penempatan rumah panjang tersebar di lembah sungai di negeri Sarawak di mana kaum Iban ini masih terlibat dalam aktiviti pertanian seperti menanam padi bukit atau padi huma. Kaum Iban pada zaman dahulu adalah peneroka utama dalam membuka hutan (berimba) atau (kampung berumang) bertujuan untuk menanam padi bukit (Micheal Elkan, 2018). Kegiatan penerokaan ini dilakukan dengan tujuan menuai padi sehingga mereka antara orang yang boleh dianggap kaya, dipandang tinggi, dan rajin. Oleh itu, masyarakat Iban pernah dianggap sebagai salah satu komuniti yang terkenal dengan penanaman bukit bukit. Di samping itu, orang Iban yang tinggal di rumah panjang masih menjalankan aktiviti memburu dan mendapatkan sumber hutan untuk mendapatkan makanan dan bekalan perubatan. Pendek kata, penghijrahan orang Iban ke kawasan baru bertujuan mencari tanah untuk tujuan mengusahakan dan mencari sumber makanan dari hutang serta mewarisi tanah-tanah ini sebagai tanah warisan mereka dari generasi ke generasi.

Selain penanaman padi, orang Iban juga menanam getah, kopi, lada, koko dan sekarang kelapa sawit. Apabila harga tanaman ini melambung tinggi, orang akan mendapat sumber pendapatan yang menguntungkan tetapi apabila harganya turun ke tahap terendah, ekonomi mereka mulai menderita kerana kos penanaman tidak lagi dapat ditanggung walaupun tanah itu milik mereka dan tidak perlu disewa.

Seterusnya adalah adat istiadat masyarakat Iban dari segi perjumpaan dan perbincangan. Ini kerana jika ada masalah yang tidak dapat diselesaikan secara peribadi, salah satu atau kedua-duanya dapat merujuk kes mereka ke

pembantu rumah untuk diadili. Pertama sekali, pengurus isi rumah akan berusaha membantu menyelesaikan kes tersebut melalui pertemuan kecil persendirian antara kedua-dua pihak yang dipertikaikan untuk mencapai kesepakatan dan perdamaian sebelum mengadakan pertemuan besar, formal dan terbuka. Sekiranya mereka masih bertengkar, pengurus rumah tangga akan menentukan tarikh percubaan dengan memanggil semua ketua keluarga dan ahli rumah panjang ke mesyuarat besar. Selepas makan malam, pengurus rumah akan membentangkan tikar dan memanggil semua orang untuk datang dan duduk di kepala rumah. Kedua-dua pihak yang bertentangan akan dipanggil untuk duduk bersemuka dan saling berhadapan. Pihak pendakwaan akan diminta untuk berbicara terlebih dahulu dan diikuti oleh tertuduh. Selepas itu, semua saksi akan dibenarkan bercakap satu persatu. Seterusnya, sesi soal jawab, perbincangan berlangsung sehingga isu perselisihan atau perselisihan dikenal pasti dan kedua-dua pihak diberi peluang yang cukup untuk berbicara. Kemudian ketua rumah akan meminta anggota tertua dan setiap ketua keluarga memberikan pendapat mengenai kes yang sedang diadili. Akhirnya, ketua rumah akan memutuskan pihak mana yang bersalah berdasarkan adat mana yang berkaitan dengan kes yang dibicarakan dan menyatakan undang-undang.

Sekiranya pihak yang bersalah masih tidak berpuas hati, ada kemungkinan untuk merayu kepada ketua. Sekiranya ketua bersetuju untuk mendengar kes itu, dia akan menetapkan tarikh untuk kedua-dua pihak yang terlibat dan termasuk ketua rumah tersebut. Prosedur bicara diadakan oleh ketua rumah diikuti oleh ketua. Setelah mendengar ucapan dari kedua-dua pihak dan ketua-ketua rumah, penghulu akan memutuskan pihak mana yang bersalah dan menyatakan hukumannya sekali. Sekiranya pihak yang bersalah ingin membuat rayuan sekali lagi, dia boleh membuat rayuan ke mahkamah orang asli atau daerah dalam masa seminggu. Jika tidak, kes tersebut dianggap telah diselesaikan sendiri seperti yang diputuskan. Biasanya kedua-dua pihak akan menyelesaikan kes mereka secara peribadi tanpa bercakap untuk menjaga wajah dan keluarga mereka sendiri dan mengelakkan kenaikan hukuman dari ketua rumah ke atas. Ada pepatah terkenal yang mengatakan "Sekiranya anda berjalan dengan tongkat khas, seseorang akan tetap berada di jalan yang benar". Jadi adat mesti diamalkan dengan fikiran untuk menjaga keharmonian hubungan sesama masyarakat.

Adat yang seterusnya adalah kepercayaan orang Iban, mereka mematuhi adat yang diwarisi dari generasi ke generasi dan kejahanan besar ditulis di Dewan Turai oleh Tuai Raban bansa di bawah bimbingan Manang. Orang Iban percaya bahawa semua haiwan, tumbuh-tumbuhan dan objek fizikal seperti bukit, gunung, sungai, air, ribut dan sebagainya mempunyai semangat atau semangat mereka sendiri. Mereka juga mempercayai pemimpin Panggau Libau seperti Keling dan Lulong. Juga disembah oleh orang Iban adalah nenek moyang yang telah meninggal dunia yang telah mati untuk meminta pertolongan semasa Gawai. Orang Iban mempercayai kewujudan Tuhan yang agung yang menciptakan dunia dan alam semesta ini. Di bawah Tuhan yang agung ini, orang Iban percaya bahawa ada dewa yang selalu berkuasa.

Contohnya, ketika membuka petempatan dan mendirikan rumah, luas tanah yang akan didirikan harus diperiksa terlebih dahulu. Mereka juga mempercayai tanda-tanda lain seperti suara burung mangsa dan burung mangsa. Bunyi yang dikeluarkan oleh haiwan ini adalah petunjuk dan alamat untuk menentukan kesesuaian tapak. Semua tanda akan ditafsirkan oleh 'Manang' untuk mematuhi kebiasaan agar tidak menimbulkan bencana. Mimpi adalah salah satu sumber alamat mengenai sesuatu yang akan berlaku pada masa akan datang dan diterjemahkan oleh Manang. Untuk mengelakkan alamat yang boleh menyebabkan bencana, biasanya upacara 'Pemerhatian Burung' akan dilakukan sesuai dengan 'Adat' yang disebut sebagai 'Tuai Raban Bansu'.

Selain itu, adat mengurus kematian masyarakat Iban. Semasa mengurus kematian ini, sanak-saudara akan datang berkunjung untuk tanda hormat. Mayat si mati akan dimandikan dan akan dipakaikan pakaian yang baik iaitu pakaian yang akan diletakkan di tengah-tengah Rumah Panjang iaitu di Ruai. Barang-barang si mati akan di bungkus kerana kepercayaan mereka untuk bekalan di dunia selepas mati. Di atasnya akan bergantung kain. Sepanjang malam dan siang, ada orang akan ditugaskan untuk menangisi si mati selain dari keluarga si mati. Tangisan itu adalah untuk mendoakan dan berharap agar dapat menghantar si mati ke dunia selepas mati atau dikenali sebagai dunya sebayan. Upacara pengebumian akan dijalankan pada waktu subuh pada jam 4 pagi. Lubang akan di gali dan akan dibuatkan rumah dan

barang-barang si mati akan ditanam bersama. Setelah itu, mereka akan berkabung dalam beberapa tempoh masa. Pantang larang untuk si rumah supaya tidak berbuat bising, dilarang berhias dan memakai pakaian kemas. Pinggan yang dibalut dengan kain hitam akan digantung di hadapan rumah tanda berlaku kesusahan. Dan kesedihan. Upacara “bersesara bungai” dijalankan untuk mengelak diganggu oleh roh si mati mengganggu mereka. Setelah upacara berkabung tamat, mereka akan mengadakan upacara “gawai antu” untuk meraikan si mati. (Najmin, 2017)

## **KESIMPULAN**

Seni Tarian Ngajat ini merupakan tanda keberanian dan keistimewaan pada kaum Iban yang terdapat di Sarawak. Tarian ini juga melambangkan penyatuan kepada seluruh kaum di Malaysia melalui tarian. Selain itu, berdasarkan kajian yang kami perolehi daripada temubual tersebut, kami mendapati pada setiap gerakan tarian Ngajat tersebut mempunyai maksud yang tersendiri dan juga peralatan yang digunakan mempunyai kisah yang tersendiri. Tarian Ngajat ini telah melalui sejarah yang panjang bermula daripada awal penubuhannya hingga ke hari ini. Terdapat banyak perubahan yang berlaku terhadap tarian ini dari segi bilangan pelajar dan guru, serta kemudahan untuk membuat bengkel tarian ini yang akan memudahkan sesiapa sahaja yang ingin mempelajari tarian ini. Hal ini kerana tarian ini mempunyai gerak geri yang unik. Tenaga pengajar tarian ini sememangnya akan berusaha untuk memperkenalkan lagi tarian ini pada mata dunia. Penduduk setempat berusaha untuk mempelajari seni tarian ini demi mengekalkan tradisi tarian Ngajat serta memperkenalkan seni tarian ini kepada generasi akan datang. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini diharapkan ianya dapat memberikan pendedahan tentang kepentingan seni tarian ngajat ini kepada masyarakat. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengangkat sejarah seni tarian ngajat ini ke suatu tahap yang tinggi dan warganya supaya seni tarian ini menjadi lambang kemegahan rakyat negeri Sarawak. Seterusnya, penyelidik berharap agar kajian ini akan dijadikan sebagai bahan kajian untuk kegunaan penyelidik sebagai rujukan untuk membuat penyelidikan pada masa akan datang.

## **RUJUKAN**

- Amran Aris. (2017, Februari 15). Tarian Ngajat. Diakses pada Disember 16, 2020, daripada <https://www.slideshare.net/amranaris67/tarian-ngajat-72184131>
- Dellya, V. (1970, Januari 01). I IOvE bAngsAkU. Diakses pada Januari 22, 2021, daripada <http://vhicthorhia2212.blogspot.com/2013/02/i-love-bangsaku.html>
- Evy. (1970, Januari 01). Tarian ngajat. Diakses pada Januari 15, 2021, daripada <http://evygurlz.blogspot.com/2011/07/baju-burung.html>
- Gansal, J. E. A. (2013). Pengurusan pemeliharaan tarian ngajat masyarakat iban. Kota Samarahan, Sarawak: University Malaysia Sarawak. 24.
- Joey.(2011).Asal Usul Tarian Ngajat. Diakses pada Januari 08, 2021, daripada <https://www.scribd.com/doc/67332391/Asal-Usul-Tarian-Ngajat>
- Kolej Kemahiran Pure Technics. (n.d.).Diakses pada Januari 08, 2021, daripada  
[https://www.facebook.com/kolejkemahiranpuretechnics/?\\_cft=%5B0%5D=AZXq7h2FNI7BuBbjIwzHzmazlZRc5D26jaQLT7FNsp1G7ExJs7I6WjVdnvU9PPBz9fuMSimJetKYBX9J0R9o\\_3-eODBKMKgDL8wp6ccf\\_K67X2pSUZaTdrNH9fl\\_6GFWGMfh15Bq2JrxBOameFxjS&\\_\\_tn\\_\\_=-UC%2CP-R](https://www.facebook.com/kolejkemahiranpuretechnics/?_cft=%5B0%5D=AZXq7h2FNI7BuBbjIwzHzmazlZRc5D26jaQLT7FNsp1G7ExJs7I6WjVdnvU9PPBz9fuMSimJetKYBX9J0R9o_3-eODBKMKgDL8wp6ccf_K67X2pSUZaTdrNH9fl_6GFWGMfh15Bq2JrxBOameFxjS&__tn__=-UC%2CP-R)
- Kaum Iban merupakan masyarakat pribumi di Sarawak - [PDF Document]. (n.d.). Diakses pada Januari 08, 2021, daripada <https://fdokumen.site/document/kaum-iban-merupakan-masyarakat-pribumi-di-sarawak.html>
- Latip, K. (2015, Mei 23). Generasi muda pertahankan tarian ngajat. Diakses pada Disember 16, 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/56755/generasi-muda-pertahankan-tarian-ngajat>
- Ngajat - Definisi ngajat dalam kamus Melayu. (n.d.). Diakses pada Januari 15, 2021, daripada <https://educalingo.com/ms/dic-ms/ngajat>
- Peralatan muzik ngajat. (n.d.). Diakses pada Januari 22, 2021, daripada <https://rimbunanrantingsarawak.weebly.com/peralatan-muzik-ngajat.html>
- Suku kaum Iban. (n.d.). Diakses pada Januari 22, 2021, daripada <http://marveloustravelandtour.blogspot.com/p/suku-kaum-iban.html>
- Tarian Ngajat. (n.d.). Diakses Disember 16, 2020, daripada <http://mte3012-taniaabhni.blogspot.com/2015/05/tarian-ngajat.html>
- Tarian Ngajat Iban.docx - Bab 2 Taktif dan asal usul orang iban (tarian tradisional masyarakat iban kewujudan masyarakat Iban tidak diketahui secara: Course Hero. (2020, Jun 24). Diakses pada Disember 16, 2020,

daripada <https://www.coursehero.com/file/64151058/Tarian-Ngajat-Ibandocx/>

Tarian Iban.docx - Konsep budaya tradisi orang Iban terdiri daripada adat budaya kepercayaan dan kehidupan di rumah panjang masyarakat Iban juga: Course Hero. (2019, April 01). Diakses pada Januari 08, 2021, daripada <https://www.coursehero.com/file/39676643/TARIAN-IBANdocx/>

Tarian Ngajat. (n.d.). Diakses pada Januari 08, 2021, daripada <https://www.scribd.com/document/245886737/Tarian-Ngajat>

Tarian Ngajat - [PPTX Powerpoint]. (n.d.). Diakses pada Januari 22, 2021, daripada <https://fdokumen.com/document/tarian-ngajat-590494c7aba88.html>

Tidak diketahui. (2018, Februari 19). Adat resam dan budaya kaum Iban di Sarawak. Diakses pada Januari 22, 2021, daripada <http://masyarakattsabahdansarawak.blogspot.com/2018/02/adatresam-dan-budaya-kaum-iban-di.html>

Tidak diketahui. (2017, April 24). Adat resam masyarakat Iban di Sarawak. Diakses pada Januari 22, 2021, daripada <http://rosenawie.blogspot.com/2017/04/budaya-iban-adat-resam.html>